



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS MAKANAN**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara memelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkeelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

'JAWATAN KOSONG'

PEGAWAI EHWAL EKONOMI

- | | | | | | |
|----|-----|---------------------------|---|----------------------------|---------------|
| 1. | (A) | Jawatan/Skim Perkhidmatan | : | Pegawai Ehwai Ekonomi | |
| | (B) | Gred Jawatan | : | E41 | |
| | (C) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Ekonomi | |
| | (D) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Profesional | |
| | (E) | Taraf Jawatan | : | Tetap | |
| | (F) | Jadual Gaji | : | Minimum | – RM 2,083.00 |
| | | | | Maksimum | – RM 9,548.00 |

Bidang Tugas

Bertanggungjawab menjalankan perancangan pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Mengawal selia dana-dana yang diperuntukkan, mengurus tadbir agensi / cawangan, mewakili agensi dalam jawatankuasa / pertubuhan berkaitan industri peringkat negeri / negara. Memastikan peraturan-peraturan kerajaan berkaitan perkhidmatan, perolehan, perjawatan, kemudahan dan sebagainya dilaksanakan dan dipatuhi. Menyediakan laporan prestasi agensi kepada Ahli Lembaga dan stakeholders berkenaan. Turut bertanggungjawab merancang dan melakukan pemeriksaan / siasatan berkala / khas ke atas syarikat / pegawai-pegawai syarikat, menerima dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia.
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM 2,083.00); atau

- (ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan dalam bidang:
 - a. Pertanian
 - b. Perladangan
 - c. Veterinar
 - d. Perikanan

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM 2,286.57); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,797.62)
- iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,797.62)
- v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,899.83)
- vi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia

(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM3,002.03)

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (b) Had umur pelantikan :-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan